

05 OCT 1998

JANGAN SINDIR KERAJAAN MELALUI KHUTBAH JUMAAT, KATA MB PERAK

IPOH, 5 Okt (Bernama) -- Para imam masjid di Perak diingatkan supaya membaca khutbah Jumaat seperti yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Perak memandangkan terdapat laporan bahawa segelintir imam membaca khutbah sendiri, kata Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Beliau berkata, para imam juga perlu mengelak menggunakan khutbah Jumaat untuk menyindir kerajaan dan menjadikannya platform mengutarakan topik tertentu secara terselindung.

Walaupun setakat ini belum ada laporan bahawa masjid di negeri ini digunakan oleh golongan tertentu untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti menentang kerajaan, usaha mengawasinya tetap dijalankan, katanya kepada pemberita selepas memberi talimat mengenai kegawatan ekonomi kepada kakitangan kerajaan di semua peringkat di Kompleks Pusat Islam di sini.

Ramli berkata, pengurusan masjid juga perlu mengawasi kawasannya supaya tidak digunakan oleh pihak tertentu untuk menjual dan mengedarkan kaset dan buku-buku menentang kerajaan seperti amanat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Walaupun pada masa ini sudah ramai rakyat faham mengenai tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad memecat Anwar, bagaimanapun masih terdapat segelintir yang masih keliru, katanya.

Beliau berkata ini termasuk beberapa kakitangan kerajaan yang didapati telah mengedar risalah, berucap dan menyatakan pendirian mereka mengenai isu itu yang bertentangan dengan pendirian kerajaan.

Usaha yang diambil oleh kerajaan negeri setakat ini adalah untuk memberikan mereka nasihat dan penerangan kerana mereka bukannya menentang kerajaan, tetapi telah terkeliru mengenai isu itu, katanya.

-- BERNAMA.

HK PR